

Sampel kelima menunjukkan hidupan itu tidak selamat untuk dimakan

Kupang PD masih tinggi biotoksin

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Sampel kelima untuk ujian dan hasil analisis makmal kupang di Perairan Port Dickson, semalam masih menunjukkan kandungan biotoksin yang tinggi dan tidak selamat dimakan.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam Satu kenyataan memaklumkan pihaknya bersama Persatuan Nelayan Negeri Sembilan masih giat menjalankan pemantauan setiap minggu bermula 2 April lalu.

Menurut DOF, berdasarkan tinjauan semasa yang dijalankan di lokasi, nelayan dan peniaga sentiasa mematuhi arahan larangan mengambil, mengutip dan menjual seperti yang diarahkan oleh jabatan sebelum ini.

“Verifikasi yang telah dijalankan bermula 26 hingga 28 April lalu telah mengenal pasti seramai 81 orang penternak yang terjejas berikutan kes kupang tercemar biotoksin.



GAMBAR fail kupang yang diperolehi nelayan sebelum ini untuk dijual di pasaran di Port Dickson..

“Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) National Shellfish Sanitation Programme (NSSP) yang ditetapkan sehingga bacaan biotoksin berada di paras yang dibenarkan dan kupang disahkan selamat untuk dimakan di Negeri Sembilan,” katanya semalam.

Pada 4 April lalu, DOF memaklumkan sampel air dan kupang di perairan Port Dickson diceburi biotoksin serta alga spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* berbahaya.

Begitu pun, ia tetapi tidak menjejaskan hidupan marin lain.

Susulan pencemaran kupang itu awal bulan lalu, lapan individu terpaksa dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di Unit Rawatan Rapi selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua buah pasar di sekitar daerah ini.

KERATAN Kosmo! 16 April 2024.